



## SOALAN-SOALAN LAZIM

### PERMOHONAN PENDAFTARAN GADAIAN

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagaimana syarikat boleh mendaftarkan gadaian?	Syarikat yang ingin mendaftarkan gadaian dalam tempoh PKP boleh membuat permohonan secara dalam talian menggunakan sistem MyCoID bermula pada 14 April 2020.
2.	Sekiranya syarikat lewat serah simpan pendaftaran gadaian disebabkan oleh sistem MyCoID yang tidak beroperasi, adakah syarikat perlu menyertakan bersama perintah mahkamah semasa permohonan di MyCoID?	Bagi syarikat yang lewat serah simpan disebabkan oleh sistem MyCoID yang tidak beroperasi, dokumen tersebut hendaklah diserahkan simpan tanpa perintah mahkamah di kaunter SSM selepas kaunter SSM kembali beroperasi.
3.	Saya belum mendaftar sebagai pengguna dalam sistem MyCoID untuk serah simpan gadaian. Adakah saya boleh mendaftar sebagai pengguna di MyCoID?	<p>Pengguna baharu boleh mendaftarkan maklumat pengguna di MyCoID.</p> <p>Bagi tempoh PKP ini sahaja, untuk pengaktifan akaun pengguna baharu, pengguna tidak perlu hadir ke kaunter. Pengaktifan pengguna boleh dibuat secara atas talian dengan mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.</p> <p>Tuan/puan adalah dikehendaki merujuk kepada FAQ pendaftaran pengguna baharu.</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
4.	<p>Saya telah mendaftar sebagai pengguna baharu di sistem MyCoID, tetapi pengaktifan pengguna tidak dapat dibuat pada ketika itu kerana perlu hadir ke kaunter. Walau bagaimanapun pendaftaran pengguna saya telah diaktifkan secara atas talian dan menyebabkan pendaftaran gadaian saya telah mengalami kelewatan. Adakah saya perlu sertakan pendaftaran gadaian bersama dengan perintah mahkamah disebabkan kelewatan pendaftaran?</p>	<p>Bagi pendaftaran gadaian yang lewat diserahkan simpan disebabkan oleh kelewatan pendaftaran sebagai pengguna baharu, pengguna tersebut boleh menghantar permohonan gadaian ke kaunter SSM yang berhampiran tanpa menyertakan bersama perintah mahkamah.</p> <p>Walaupun bagaimanapun, pihak tuan/puan diminta untuk menyertakan bukti bahawa pendaftaran pengguna dibuat semasa tempoh PKP.</p>
5.	<p>Jika saya tidak mendaftar sebagai pengguna baharu di sistem MyCoID dalam tempoh PKP dan menyebabkan pendaftaran gadaian saya lewat, adakah saya perlu menyertakan bersama perintah mahkamah semasa pendaftaran gadaian?</p>	<p>Ya.</p>

Tarikh: 29 April 2020